

**SOALAN NO.: 137**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [ SEPANGGAR ]**

**SOALAN :**

**Datuk Jumat bin Idris [ Sepanggar ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian boleh mempertimbangkan permohonan subsidi penoreh getah yang masih ditahap permohonan tanah/belum dikeluarkan geran tetapi telah mengusahakan tanah tersebut lebih 20 tahun.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) di mana insentif ini bertujuan memastikan para pekebun kecil meneruskan aktiviti penorehan semasa harga getah yang rendah. Selain itu, ia juga bertujuan memastikan bekalan bahan mentah berterusan kepada sektor hiliran getah.

IPG diaktifkan apabila Paras Harga Pengaktifan adalah RM5.50 sekilogram bagi harga getah SMR 20 *Free on Board* (FOB) atau RM2.20 sekilogram bagi harga *cuplump*. Insentif yang disediakan adalah perbezaan di antara harga pasaran dengan harga PHP. Buat masa ini, pekebun kecil yang tidak mempunyai geran tanah diluluskan insentif dengan syarat mendapat pengesahan daripada pihak pemimpin masyarakat seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Kawasan Kampung (JKKK), Ketua Kampung atau Penghulu bahawa tanah tersebut ditanam dengan getah dan diusahakan sendiri oleh pemohon. Langkah ini adalah bagi mengelakkan masalah permohonan bertindih dan permohonan palsu.

Selain itu, kaedah yang sama juga digunakan oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) dalam menimbangkan permohonan tanaman baharu getah.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS  
[SEPANGGAR]**

**SOALAN : 138**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk memperluaskan program bekalan air terawat di kawasan P171 Sepanggar khususnya dikawasan bukit yang masih bergantung kepada air graviti.

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejumlah RM48juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan satu projek BALB di Dun Inanam, P171 Sepanggar iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kg Poring-Poring dan Kawasan Sekitarnya, Menggatal, Sabah. Projek ini akan dilaksanakan di dalam *Rolling Plan 1* RMKe-11.